

27/06/2003

MDT jalan operasi sita premis tidak bayar cukai

TAMPIN: Majlis Daerah Tampin (MDT) menjalankan operasi menyita premis kediaman, perniagaan dan kilang dalam usaha untuk mengutip tunggakan cukai

taksiran berjumlah RM1.17 juta.

Operasi berkenaan dijalankan selepas pemilik premis berkenaan sudah diberi notis berulang kali supaya menjelaskannya tetapi mereka gagal berbuat demikian, kata Yang Di Pertua MDT, Mohd Yusof Yunus.

Katanya, dalam operasi kelmarin sebanyak 18 buah premis kediaman, dua buah kilang dan sebuah perniagaan di kawasan bandar ini dan Gemas disita, termasuk dua kediaman milik Ahli Majlis Daerah.

"Operasi yang tidak memilih bulu sama ada dari segi kedudukan pangkat akan terus dijalankan secara berperingkat kerana tunggakan berkenaan melebihi 50 peratus dari jumlah kutipan hasil semasa," kata beliau.

Katanya, ia juga selaras dengan amaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Muhamad yang meminta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengambil tindakan tegas dan telus.

Namun demikian, pihak MDT tidaklah begitu zalim apabila premis yang harta bendanya telah disita itu diberi tempoh selama 7 hari bagi menjelaskan tunggakan itu. Sekiranya gagal MDT akan merampas barang yang disita itu dan akan dilelong.

Menurut Mohd Yusof, hasil operasi itu beberapa pemilik premis berkenaan

telah datang menjelaskan tunggakan tersebut pada sebelah petang, termasuk

salah seorang Ahli Majlis, manakala seorang lagi ahli Majlis meminta tangguh sehari.

Menyentuh rungutan sebahagian penyewa yang harta benda mereka disita dalam operasi tersebut dengan alasan mereka tidak mengetahui pemilik premis berkenaan mempunyai tunggakan, Mohd Yusof menasihatkan mereka yang

ingin menyewa sesuatu premis supaya memastikan cukai taksiran sudah dijelaskan oleh pemiliknya.

"Sekiranya pemilik sebenar tidak menjelaskannya, maka pihak penyewa akan menanggung risikonya," kata beliau.